

Akaun Satelit Sukan 2022

Industri sukan menjana **RM49.5b** kepada ekonomi dengan nilai ditambah kasar **RM19.6b** pada tahun **2022**



Nilai Ditambah Kasar Industri Sukan

RM19.6b
(2021: RM17.5b)


 **Pertumbuhan**

12.1%
(2021: 1.9%)


 **Sumbangan**

1.1%
(2021: 1.1%)


Sumbangan Nilai Ditambah Kasar mengikut Industri




Perkhidmatan sukan



Perdagangan sukan




Pembuatan produk sukan



Pembinaan infrastruktur sukan

Eksport dan Import Produk Sukan



Sumbangan

91.9%
(2021: 93.1%)

 **Barangan sukan**

94.4%
(2021: 94.9%)




8.1%
(2021: 6.9%)

 **Perkhidmatan sukan**

5.6%
(2021: 5.1%)


Guna Tenaga dalam Industri Sukan

Guna tenaga industri sukan **194.4 ribu orang** (2021: 188.1 ribu orang)



Sumber: Laporan Awalan Akaun Satelit Sukan 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Sumbangan Sukan kepada Ekonomi, 2022



Industri sukan menjana RM49.5b kepada ekonomi dengan nilai ditambah kasar RM19.6b pada tahun 2022

- Industri sukan menjana RM49.5 bilion kepada ekonomi dengan nilai ditambah kasar berjumlah RM19.6 bilion pada tahun 2022 dengan pertumbuhan sebanyak 12.1 peratus berbanding 1.9 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan industri sukan disokong oleh Perkhidmatan sukan dan Perdagangan sukan yang masing-masing bertumbuh 15.9 peratus dan 16.3 peratus.
- Industri sukan menyumbang 1.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2022. Industri sukan dipacu oleh Perkhidmatan sukan yang menyumbang sebanyak 37.1 peratus dengan nilai RM7.3 bilion pada tahun 2022. Ini diikuti oleh Perdagangan sukan sebanyak RM6.9 bilion (35.2%), Pembuatan produk sukan RM5.2 bilion (26.6%) dan Pembinaan infrastruktur sukan RM0.2 bilion (1.1%).
- Dari segi perdagangan luar, eksport produk sukan meningkat kepada RM11.5 bilion pada tahun 2022 berbanding RM9.7 bilion pada tahun sebelumnya. Eksport produk sukan didominasi oleh barangan dengan sumbangan sebanyak 91.9 peratus (RM10.6 bilion) dan selebihnya 8.1 peratus (RM0.9 bilion) adalah perkhidmatan sukan.
- Import utama produk sukan adalah barangan dengan sumbangan 94.4 peratus (RM5.8 bilion) dan perkhidmatan sukan 5.6 peratus (RM0.3 bilion) kepada import produk sukan.
- Eksport bersih produk sukan merekodkan nilai RM5.4 bilion (2021: RM4.5 bilion) pada tahun 2022.
- Guna tenaga dalam industri sukan bertumbuh 3.3 peratus (2021: -2.6%) atau 194.4 ribu orang pada tahun 2022. Dengan ini, guna tenaga dalam industri sukan menyumbang sebanyak 1.3 peratus kepada keseluruhan guna tenaga. Penyumbang terbesar guna tenaga dalam industri sukan disokong oleh Perkhidmatan sukan yang mencatatkan 39.9 peratus diikuti oleh Pembuatan produk sukan (31.6%), Perdagangan sukan (27.7%) dan Pembinaan infrastruktur sukan (0.8%).

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



BANI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



MALAYSIA
MADANI

